

**DILEMA PENDIDIKAN KANAK-KANAK ROHINGYA  
DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL**  
*The Education Dilemma of Rohingya Children  
in Malaysia: A Preliminary Review*

<sup>1\*</sup>AIDA ZAHIRAH SAMSUDIN

<sup>2</sup>NAPISAH KARIMAH ISMAIL

<sup>1&2</sup>Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

Corresponding author: <sup>1\*</sup>aidaazahirah@gmail.com

<sup>2</sup>napisah@ukm.edu.my

Dihantar: 7 Sep 2021, Penambahbaikan: 23 Apr 2022, Diterima: 27 Mei 2022, Terbit: 28 Jun 2022

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2403>

**Abstrak** Malaysia menjadi negara tumpuan bagi kebanyakan pelarian dan pencari suaka khususnya Rohingya demi mendapatkan perlindungan keselamatan. Jumlah populasi etnik Rohingya di Malaysia semakin meningkat dari tahun ke tahun berdasarkan statistik yang dikeluarkan *United Nations High Commission for Refugees* (UNHCR). Namun, kehidupan mereka di Malaysia tidak jauh bezanya dengan negara transit yang lain kerana perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam meneruskan kehidupan sebagai pelarian. Tidak dinafikan kemasukan golongan pelarian ini telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah di Malaysia ekoran daripada tekanan hidup yang dihadapi, selain tidak mempunyai peluang pekerjaan dan tidak mendapatkan akses pendidikan yang sewajarnya. Situasi ini menimbulkan keimbangan pelbagai pihak sekiranya kanak-kanak pelarian berterusan tidak berpeluang mendapatkan pendidikan formal. Hal ini disebabkan golongan ini mudah dieksloitasi oleh pihak tertentu untuk terlibat dalam jenayah di samping terlibat dalam masalah sosial yang lain. Maka, pendidikan kanak-kanak Rohingya dilihat sangat penting demi pembangunan potensi individu secara menyeluruh agar mampu mendepani cabaran pada masa akan datang sekiranya dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Kajian ini bertujuan untuk meneliti situasi kehidupan etnik Rohingya di Malaysia di samping mengenal pasti peranan dan cabaran Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) dalam menyediakan pendidikan masyarakat pelarian Rohingya. Kajian berbentuk kualitatif ini bersumberkan rujukan primer dan sekunder daripada buku-buku, artikel jurnal, tesis dan laporan antarabangsa. Dapatan kajian menunjukkan

gambaran situasi semasa pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia. UNHCR dan NGO berperanan dalam menyediakan pendidikan yang sewajarnya kepada golongan pelarian melalui PBA. Namun begitu, terdapat cabaran yang wujud dalam usaha memperkasakan pendidikan masyarakat seperti peruntukan dan pengoperasian pusat pembelajaran, pengekalan dan kualiti kakitangan, masalah komunikasi dalam kalangan pelajar, masalah dalaman dan budaya masyarakat Rohingya.

**Kata kunci:** Pelarian Rohingya, Malaysia, pendidikan kanak-kanak, pusat bimbingan alternatif, pendidikan pelarian.

*Abstract* Malaysia has become a focus country for most refugees and asylum seekers, especially the Rohingya, to seek for protection and security. The number of Rohingya ethnic population in Malaysia has been increasing from year to year based on statistics released by the United Nations High Commission for Refugees (UNHCR). However, their lives in Malaysia are not different from other transit countries because they have to face various challenges in continuing their lives as refugees. There is no doubt that the influx of refugees has contributed to the increase in crime rates in Malaysia due to the pressures of life other than not having employment opportunities and not getting access to proper education. This situation raises concerns of various parties if refugee children continue to have no opportunity to get formal education. This is because this group is easily exploited by certain parties to be involved in crime, in addition to being involved in other social problems. Therefore, it is seen that the education of Rohingya children is very important for the development of individual potential as a whole, in order to be able to face challenges in the future if they were sent back to their country of origin or placed in a third country. This study aims to examine the situation of life of Rohingya refugees in Malaysia as well as to identify the roles and challenges in providing education for the Rohingya refugees. This qualitative research involved primary and secondary references such as sources from books, journal articles, thesis and international report. The findings reveal that the current situation of Rohingya children's education in Malaysia. UNHCR and non-governmental organizations (NGOs) play a role in providing appropriate education to refugees through the PBA. However, there are

*challenges that exist in efforts to strengthen the community education, such as the provision and operation of learning centers, retention and quality of staff, communication problems among students, internal problems and the culture of the Rohingya community.*

**Keywords:** *Rohingya refugees, Malaysia, children's education, Pusat Bimbingan Alternatif, refugees education.*

## PENGENALAN

Malaysia adalah salah sebuah negara yang menjadi tumpuan bagi golongan pelarian khususnya etnik Rohingya dari Myanmar untuk mendapatkan perlindungan keselamatan dan jumlah populasi mereka meningkat dari tahun ke tahun bermula pada sekitar tahun 1980-an. Berdasarkan data yang diperoleh daripada UNHCR Malaysia, terdapat sekitar 179,570 orang pelarian di Malaysia pada akhir bulan Mei 2021 dan daripada angka tersebut, majoritinya adalah daripada pelarian Rohingya dengan jumlah 102,950 orang. Keberadaan etnik Rohingya di Malaysia yang telah menjangkau dua ke tiga generasi lamanya memperlihatkan penempatan mereka terdapat di seluruh Malaysia dengan jumlah komuniti lebih besar di sekitar Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu (*Equal Rights Trust*, 2014).

Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus untuk memberikan perlindungan kepada golongan pelarian kerana Malaysia bukanlah ahli dalam Konvensyen Orang Pelarian 1951 dan Protokol 1967 (*Child Right Coalition Malaysia*, 2012; Letchamanan, 2013; Hidayat & Ibnor, 2017; Intan Suria *et al.*, 2020). Hal ini termasuk peruntukan dalam aspek pendidikan kepada kanak-kanak pelarian walaupun pendidikan merupakan salah satu keperluan dalam kehidupan setiap manusia sama seperti tempat tinggal, makanan, keselamatan dan penjagaan kesihatan. Oleh hal yang demikian, kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia turut mengalami krisis pendidikan sepertimana yang berlaku di Bangladesh, China, Nepal dan Burundi kerana negara-negara tersebut juga tidak membenarkan golongan pelarian seperti Rohingya mengakses sistem pendidikan awam. Berikut itu mereka tidak mendapat pengiktirafan

dan sokongan daripada kerajaan secara rasmi (Dupuy & Gudrun, 2019; Palik, 2020). Namun demikian, mereka mendapat pendidikan daripada sistem pendidikan tidak formal di Malaysia yang sebahagian besarnya diselaraskan oleh UNHCR yang merupakan organisasi antarabangsa yang bertanggungjawab menguruskan isu pelarian.

Walau bagaimanapun, akses kanak-kanak pelarian Rohingya kepada pendidikan tidak formal yang berkualiti di Malaysia dibatasi dengan beberapa faktor seperti Kerajaan Malaysia tidak membenarkan kanak-kanak pelarian memasuki sekolah kerajaan, ibu bapa tidak dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan kekurangan tenaga guru yang mempunyai latihan dan motivasi yang diperlukan dalam memberikan pendidikan yang berkualiti (Palik, 2020). Maka, krisis pendidikan dalam kalangan pelarian Rohingya di Malaysia memerlukan penyelesaian yang segera agar Malaysia dapat membantu melahirkan generasi pelarian yang boleh berdikari dan mampu membawa keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan serta mampu meneruskan kehidupan yang lebih baik di negara ini dan negara lain (Azlinariah *et al.*, 2018).

Fokus utama kertas ini adalah aspek pendidikan yang diterima oleh kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia. Kajian berkenaan isu pendidikan pelarian Rohingya di Malaysia sangat terhad kerana kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada aspek penindasan, penderitaan dan ancaman keselamatan yang dihadapi oleh pelarian Rohingya di Malaysia. Kertas kerja ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, membincangkan tentang kedatangan pelarian Rohingya ke Malaysia, kedua, situasi dan realiti kehidupan masyarakat Rohingya di Malaysia dan ketiga, berkenaan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia dalam beberapa aspek. Antaranya adalah berkenaan hak pendidikan kanak-kanak dan implikasinya, pusat pembelajaran kanak-kanak Rohingya di Malaysia, peranan NGO dalam aspek pendidikan dan cabaran yang dihadapi pusat pembelajaran dan NGO yang terlibat.

## METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan dan data diperoleh daripada tesis, disertasi, artikel jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia. Namun begitu, bagi mengembangkan lagi dapatan data primer dan sekunder, kajian-kajian terkini yang dijalankan oleh pelbagai pihak termasuk laporan dari pertubuhan antarabangsa melalui laman web turut dijadikan sumber rujukan penting untuk kajian ini. Kaedah analisis kandungan daripada sumber data yang ditemui digunakan bagi mengetahui secara khusus berkaitan kedatangan pelarian Rohingya dan situasi kehidupan mereka di Malaysia. Data yang terkumpul dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti tema penting bagi menjelaskan isu dan dapatan kajian secara sistematik dan terperinci.

### KONSEP KESELAMATAN INSAN DALAM KONTEKS PELARIAN ROHINGYA

Dalam perbincangan berkenaan isu pelarian Rohingya di Malaysia, konsep keselamatan insan turut dicerakinkan. *United Nations Development Programme* (UNDP) merupakan salah sebuah agensi di bawah PBB telah memperkenalkan konsep keselamatan insan menerusi laporan *Human Development Report* (HDR) pada tahun 1994. Konsep keselamatan insan juga telah diiktiraf secara rasmi dalam dokumen akhir Sidang Kemuncak Dunia 2005 dan Persidangan Perhimpunan Agung 2008 dengan tajuk *Thematic Debate on Human Security*. Secara umumnya, konsep ‘keselamatan menyeluruh’ diterima dan diguna pakai oleh beberapa negara di rantau Asia Tenggara seperti Singapura dan Malaysia. Melalui laporan HDR, konsep keselamatan insan mengandungi tujuh komponen utama, iaitu keselamatan ekonomi, keselamatan makanan, keselamatan kesihatan, keselamatan alam sekitar, keselamatan personal, keselamatan komuniti dan keselamatan politik. Dalam konteks penyeludupan Rohingya di Malaysia, usaha untuk menganalisis ancaman keselamatan insan yang dihadapi oleh mereka berdepan kekangan memperoleh data dan maklumat yang lengkap dan tepat dalam pelbagai aspek. Data dan maklumat yang direkodkan oleh UNHCR bagaimanapun tidak dapat menjelaskan bentuk ancaman

keselamatan yang dihadapi Rohingya di sepanjang proses penyeludupan mereka ke negara ini disebabkan UNHCR hanya mempunyai data berkaitan latar demografi sahaja (Andika, 2017).

Sementara menurut kajian Rashila *et al.* (2012), terdapat sembilan komponen keselamatan insan yang merangkumi keselamatan sosial, keselamatan makanan, keselamatan ekonomi, keselamatan alam sekitar, keselamatan kesihatan, keselamatan personal dan komuniti, keselamatan politik serta keselamatan budaya. Namun, dalam konteks kehidupan masyarakat Rohingya di Malaysia, keselamatan personal-komuniti merupakan salah satu komponen yang sesuai dalam menganalisis isu berkaitan keselamatan insan kerana individu berkait rapat dengan sesebuah komuniti di mana mereka tinggal, bekerja dan bersosial. Individu dan komuniti secara kolektif berpotensi menerima ancaman keselamatan seperti keganasan fizikal, jenayah, manipulasi, penyeksaan, penderaan domestik dan sebagainya. Oleh yang demikian, strategi keselamatan insan diperlukan dalam menjamin keselamatan insan termasuk pelarian Rohingya di Malaysia kerana ancaman keselamatan juga bersifat kolektif yang boleh mengancam masyarakat umum.

Menurut Andika (2007), Suruhanjaya Keselamatan Insan (2003) membangunkan strategi perlindungan dan pemerkasaan dalam menganalisis implikasi keselamatan insan bagi pelarian Rohingya. Dalam konteks ini, kerajaan, organisasi antarabangsa, NGO dan pihak swasta merupakan entiti penting untuk melindungi keselamatan insan sama ada individu maupun komuniti. Dalam hal ini, beliau mencadangkan dua strategi untuk mencapai keselamatan insan, iaitu strategi perlindungan dan strategi pemerkasaan. Strategi perlindungan mengambil kira aspek pembelaan hak asasi manusia serta kebebasan individu dan komuniti, selain mengambil kira penglibatan individu dan komuniti dalam proses membuat keputusan dasar serta pelaksanaannya di peringkat tempatan dan nasional secara terbuka, demokratik, sistematik dan komprehensif. Sementara strategi pemerkasaan pula bersifat bermula dari bawah ke atas (*bottom-up*) dengan menyediakan pendidikan berkualiti bagi membangunkan potensi individu dan masyarakat. Sektor pendidikan mampu membangunkan kemampuan individu dan komuniti, sekali gus membantu meningkatkan

taraf hidup secara kolektif. Dalam konteks pemerkasaan keselamatan insan, aspek pendidikan perlu menjadi agenda utama yang perlu dibangunkan oleh kerajaan atau NGO di Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan golongan pelarian agar isu keselamatan insan dapat ditangani dengan baik. Bertitik tolak dari situ, kajian ini cuba menyelongkar isu-isu berkaitan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia kerana sektor pendidikan adalah antara elemen penting dalam pemerkasaan keselamatan insan.

## KEDATANGAN PELARIAN ROHINGYA KE MALAYSIA

Jangka waktu terawal ketibaan pelarian Rohingya ke Malaysia adalah sekitar awal tahun 1980-an (Tan Pok Suan, 2006; Letchamanan, 2013), manakala Norazira (2014) menyatakan seawal tahun 1956 dalam kumpulan yang kecil. Namun menurut rekod UNHCR Malaysia, kedatangan pelarian Rohingya ke Malaysia bermula tahun 1998 (Azlinariah, 2014). Kehadiran mereka di negara ini didapati meningkat selepas tahun 1992 berikutan berlakunya gelombang kedua pelarian Rohingya melarikan diri daripada tindakan diskriminasi dan kekejaman yang dilakukan oleh Kerajaan Junta Myanmar (Norazira, 2014). Walau bagaimanapun, tarikh sebenar kedatangan Rohingya ke Malaysia secara tepat tidak dapat diketahui (Azharudin & Azlinariah, 2012). Sementara itu, jumlah sebenar populasi etnik Rohingya di Malaysia juga tidak diketahui secara jelas disebabkan mereka mengamalkan hidup secara nomad ataupun berpindah-randah untuk meneruskan *survival* mereka sebagai pelarian dan dalam masa yang sama mereka turut dibelenggu isu keselamatan (Norazira, 2014).

Malaysia merupakan salah satu destinasi tumpuan beratus ribu pelarian Rohingya disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah kerana Malaysia dianggap sebagai negara yang selamat (Intan Suria *et al.*, 2016). Hal ini turut dibuktikan melalui laporan daripada *Global Peace Index* (GPI) (2021) atau turut dikenali sebagai Indeks Keamanan Dunia di mana Malaysia berada di kedudukan ke-23 (tinggi), iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-11 (sangat tinggi). Malaysia juga merupakan sebuah negara Islam yang mengamalkan agama yang sama dengan pelarian Rohingya (Andika, 2019), tidak seperti di Thailand yang laungan azan dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran sukar didengari (Intan

Suria *et al.*, 2016). Selain itu, Malaysia juga disifatkan sebagai negara yang mencatat kadar pembangunan ekonomi yang baik di samping rakyatnya yang prihatin (Azharudin & Azlinariah, 2012). Faktor kedatangan pelarian ini juga adalah disebabkan sebahagian ahli keluarga mereka sudah berada di Malaysia, mudah untuk mencari pekerjaan, di samping sempadan Malaysia mudah untuk dibolosi oleh pelarian atau pendatang tanpa izin (Andika, 2019).

Bagi pelarian yang sudah berada di negara transit seperti Malaysia, mereka mengambil keputusan enggan kembali ke negara asal berikutan masih diselubungi perasaan takut dan trauma dengan tindakan tidak berperikemanusiaan pihak pemerintah Myanmar. Antara faktor mereka bertindak sedemikian adalah disebabkan terputus hubungan dengan keluarga asal di Myanmar, lahir di negara transit dan telah menyesuaikan diri dengan keadaan, budaya dan cara hidup di tempat baharu (Norazira, 2014). Kanak-kanak pelarian juga dilihat sudah sebatи dengan cara hidup, budaya dan makanan masyarakat Malaysia seperti nasi lemak, nasi berlaukkan masakan Melayu dan India seperti kari, ayam masak merah, roti canai dan rojak (Intan Suria *et al.*, 2020). Malah, yang paling penting mereka telah menemui sebuah kehidupan yang baik di negara transit (Norazira, 2014).

Pelarian Rohingya memasuki Malaysia melalui dua laluan utama iaitu darat dan air (*Equal Rights Trust*, 2014; Andika, 2019; Intan Suria *et al.*, 2020) serta kombinasi antara dua laluan tersebut (Andika, 2019). Di samping itu, terdapat juga pelarian Rohingya yang menggunakan laluan udara iaitu menggunakan kapal terbang. Perjalanan menggunakan laluan air adalah paling mencabar kerana perlu berhadapan dengan beberapa faktor seperti cuaca, masa dan kekurangan makanan (Aizat, 2019). Pelarian Rohingya turut mengalami keadaan yang tidak stabil di atas kapal akibat daripada keadaan yang tidak bersih, kekerasan oleh broker, keadaan yang berbahaya di atas laut dengan kapal yang tidak sesuai. Kesannya, ada di antara mereka tidak mampu bertahan untuk meneruskan perjalanan dan bagi yang bertahan mereka akan mengalami kesan sampingan seperti gangguan kesihatan fizikal yang serius dan trauma psikologi yang teruk (*Equal Rights Trust*, 2014).

Perjalanan pelarian Rohingya ke Malaysia perlu merentasi empat sempadan antarabangsa seperti Bangladesh, India, Thailand dan Malaysia. Malah, tidak dapat dinafikan bahawa sempadan Malaysia paling mudah untuk dibolosi dan kurang sekatan berbanding sempadan negara lain (Intan Suria *et al.*, 2016; Andika, 2019). Pihak berkuasa Malaysia hanya akan membuat kawalan sempadan secara berkala sekiranya terdapat kes yang dilaporkan. Hal ini turut menyentuh nilai ketelusan dalam kalangan pegawai dan pihak penguat kuasa yang terlibat dalam mengawal pintu sempadan di mana mereka sering kali bertindak memeras ugut dan meminta wang sogokan untuk melepas sempadan (Andika, 2019). Terdapat beberapa buah negeri yang kebiasaannya menjadi pintu masuk sempadan Malaysia iaitu Kelantan (Sungai Golok, Bukit Bung, Pengkalan Kubur), Kedah (Langkawi, Bukit Kayu Hitam), Perlis, Pulau Pinang (Butterworth, Georgetown) dan Selangor (Pelabuhan Klang) (Azizah, 2015). Pemilihan pintu masuk ini adalah berdasarkan kepada sebab-sebab tertentu seperti laluan yang digunakan dan juga bantuan khidmat agen penyeludupan (dalal) atau tanpa agen iaitu secara tidak terancang (Andika, 2019).

Selain itu, dalam konteks menangani isu-isu penindasan umat Islam, Malaysia tidak terkecuali dalam menghulurkan bantuan kepada mereka yang tidak bernasib baik (Anuar, 2017). Hal ini dilihat melalui tindakan kerajaan ketika di bawah pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad, beliau lantang di pentas antarabangsa dalam membela nasib umat Islam Palestin dan begitu juga di zaman Dato' Sri Najib Razak, beliau memperjuangkan nasib golongan Rohingya. Hal ini turut dibuktikan apabila beliau mengadakan demonstrasi membantah kekejaman yang dilakukan ke atas etnik Rohingya. Sementara itu, atas dasar kemanusiaan beliau menerima masuk 55 ribu orang Rohingya ke negara ini untuk diberi perlindungan keselamatan, manakala bagi etnik Rohingya di Myanmar, kerajaan menyumbang sebanyak RM10 juta bagi meringankan beban kehidupan harian mereka. Dato' Sri Najib turut menyeru seluruh negara Islam bersatu dalam menangani isu radikalisme, ekstremisme dan kekejaman dan ketidakadilan kepada umat Islam. Tambahan pula, sejak tahun 2004, kerajaan bersifat positif menerima kemasukan etnik Rohingya sebagai pelarian di negara ini (Tan Pok Suan, 2006).

## SITUASI DAN REALITI KEHIDUPAN MASYARAKAT ROHINGYA DI MALAYSIA

Dari segi situasi kehidupan pelarian Rohingya di Malaysia, majoriti mereka tinggal dalam kalangan komuniti setempat dan tidak tinggal di kem pelarian seperti di Bangladesh (Letchamanan, 2013; Palik, 2020). Mereka biasanya memilih untuk tinggal di rumah-rumah flat yang berada di tingkat tinggi disebabkan kos sewa yang lebih rendah dan terletak di kawasan bandar supaya mereka mudah mendapatkan peluang pekerjaan (Letchamanan, 2013; Norazira, 2014). Mereka juga tinggal secara beramai-ramai atau berkongsi dengan beberapa buah keluarga dalam satu unit rumah yang disewa bagi tujuan penjimatan dan hal ini mampu meringankan bebanan ekonomi yang ditanggung (Azlinariah, 2014; Norazira, 2014; Intan Suria *et al.*, 2016; Divaghar & Khajidah, 2019; Intan Suria *et al.*, 2020). Namun begitu, bagi pelarian yang baru tiba di negara ini khususnya di Pulau Pinang mereka didapati tidak mempunyai tempat tinggal dan menjadikan surau, bahu jalan atau di bawah jambatan sebagai tempat tinggal sementara (Norazira, 2014). Hal ini menggambarkan keadaan tempat tinggal pelarian Rohingya di Malaysia berada dalam keadaan tidak kondusif lantas memberi kesan kepada kesejahteraan sosial mereka. Kesejahteraan sosial dalam kalangan pelarian Rohingya akan tercapai sekiranya mereka mendapat peluang pekerjaan, pendidikan, perubatan, pemeriksaan kesihatan dan tempat tinggal yang sempurna. Kesejahteraan sosial juga merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah negara, malah turut ditegaskan bahawa ia adalah keperluan asas yang sangat penting bagi seseorang manusia dalam mencapai kesejahteraan hidup (Divaghar & Khadijah, 2019).

Jaringan sosial antara etnik Rohingya di Malaysia sangat utuh di mana mereka hidup secara berkomuniti dan berkongsi (Tan Pok Suan, 2006; Azlinariah, 2014; Norazira, 2014; Noor Farhana, 2020). Solidariti atau persaudaraan yang terbina di antara mereka adalah bertunjangkan nilai saling menghulurkan bantuan dan memerlukan antara satu sama lain demi meneruskan kelangsungan hidup sebagai pelarian. Selain itu, menurut Noor Farhana (2020) pembentukan gerakan-gerakan sosial ini dilihat sebagai satu pembelaan terhadap nasib pelarian Rohingya. Antara

pertubuhan Rohingya yang terdapat di Malaysia ialah *The Equal Rights Trust* (ERT), *Ethnic Rohingya Human Rights Organisation* (ERHRO), *Rohingya Information Center* (RIC), *Rohingya Solidarity Democratic Movement* (RSDM), Majlis Ulama Rohingya Malaysia (MUR) *United Nation Commisioner for Refugee* (UNHRC), *Human Right Watch* (HRW), *Amnesty International* (AI), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Pertubuhan Hak Asasi Untuk Rohingya (HURAR).

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelarian Pelarian Rohingya yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran hidup sebagai pelarian di Malaysia merangkumi aspek tempat tinggal dan persekitaran, pendidikan, peluang pekerjaan serta kesihatan (Norazira, 2014). Cabaran dari segi ancaman keselamatan yang dihadapi golongan ini sentiasa berlaku saban tahun (Tan Pok Suan, 2006; Azlinariah, 2014). Kesukaran untuk mendapatkan sijil rasmi seperti sijil kelahiran dan sijil perkahwinan berlarutan sehingga kini dan diklasifikasikan sebagai cabaran terbesar kerana memberi implikasi yang sangat mendalam dalam kehidupan mereka (Tan Pok Suan, 2006). Isu kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kelahiran berlaku disebabkan ibu bapa mereka gagal memenuhi keperluan keterangan yang dikenakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), selain perasaan takut ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa ketika proses pendaftaran serta undang-undang mengenakan sekatan hak berkahwin untuk golongan migran (*Child Rights Coalition Malaysia*, 2012). Namun begitu, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan *Citizenship Rules 1964*, taraf kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung dan status perkahwinan yang sah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa ketika kelahiran. Bagi isu berkaitan pendaftaran perkahwinan pula, prosedur perkahwinan dan status perkahwinan golongan ini sering kali menimbulkan keraguan selain berkait dengan hukum agama. Apabila ditinjau permasalahan yang dihadapi golongan ini, dapat disimpulkan ia berpunca daripada ketiadaan dokumentasi pengenalan diri dan kedudukan Rohingya sebagai warga yang tidak mempunyai negara (*stateless people*) (Intan Nadia *et al.*, 2019).

## **ISU PENDIDIKAN KANAK-KANAK ROHINGYA DI MALAYSIA**

Bahagian ini membincangkan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia yang merangkumi hak pendidikan kanak-kanak dan implikasinya, pusat pembelajaran kanak-kanak Rohingya di Malaysia, peranan NGO dalam aspek pendidikan dan cabaran yang dihadapi pusat pembelajaran dan NGO yang terlibat.

### **Hak Pendidikan Kanak-kanak dan Implikasinya**

Kanak-kanak pelarian, pencari suaka dan golongan tanpa warganegara di Malaysia terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk diskriminasi yang berpunca daripada peruntukan undang-undang yang tidak menentu. Mereka mempunyai akses kesihatan dan pendidikan yang terhad di samping terdedah kepada pelanggaran hak asasi manusia, eksloitasi dan penderaan. Hak pendidikan golongan pelarian sudah dinyatakan dalam artikel 22 Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Namun, tidak menjadi kewajipan bagi kerajaan menyediakan peluang pendidikan kepada pelarian disebabkan Malaysia tidak menyertai konvensyen ini. Walau bagaimanapun, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) 1989 pada 28 Disember 1994. CRC merupakan satu konvensyen antarabangsa mengenai pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak sejak dilahirkan sehingga mencapai usia 18 tahun. Menurut Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), CRC telah mendorong kerajaan supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak sebagai mengiktiraf hak mereka tanpa mengira status warganegara dan perkara ini telah termaktub dalam Artikel 28 konvensyen ini.

“Kanak-kanak berhak terhadap peluang pendidikan. Pendidikan rendah harus diwajibkan dan diadakan secara percuma kepada semua kanak-kanak. Kanak-kanak juga berhak akses kepada pendidikan menengah dalam pelbagai bentuk termasuk pendidikan am dan vokasional”.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas bahawa setiap kanak-kanak mempunyai hak mereka yang tersendiri dalam mengembangkan potensi

fizikal, mental dan sosial. Maka, CRC secara holistik telah melaksanakan pelbagai kemudahan dan peluang pendidikan, latihan, kemahiran, aktiviti-aktiviti sosial dan aktiviti masa lapang atau rekreasi yang boleh diakses oleh kanak-kanak dalam membantu mereka mencapai potensi diri (Pathmanathan *et al.*, 2011).

Namun sehingga hari ini, Malaysia tidak mempunyai peruntukan pendidikan yang khusus kepada kanak-kanak pelarian berikutan tiada pengiktirafan terhadap golongan pelarian di samping terdapat banyak keraguan berkaitan hak kanak-kanak tanpa warganegara di Malaysia (Mazura & Nor Hafizah, 2018). Menurut kajian Divaghar dan Khadijah (2019), kanak-kanak Rohingya tidak dibenarkan bersekolah di sekolah kerajaan disebabkan Malaysia tidak mempunyai sebarang peruntukan dalam akta atau polisi berkaitan hak pelarian. Bahkan, pelarian Rohingya itu sendiri tidak mempunyai dokumen yang boleh menyokong status mereka sebagai pelarian. Dalam nada yang berbeza, punca mereka tidak memiliki dokumen adalah disebabkan beberapa halangan yang menyekat seperti yang dinyatakan dalam kajian Azizah (2015) terdapat sebuah keluarga yang tinggal di Pulau Pinang hampir 19 tahun tanpa sebarang dokumen disebabkan mereka tidak mampu menanggung kos pengangkutan, penginapan, sara diri dan takut kehilangan pendapatan sekiranya pergi ke Kuala Lumpur untuk mendaftarkan diri di UNHCR Malaysia. Perkara ini telah memberi kesan kepada peningkatan peratusan keciciran pendidikan dalam golongan kanak-kanak pelarian dan tanpa warganegara seperti yang direkodkan UNHCR 2016 dalam kajian Nadzira dan Khalim (2019), di mana 50 peratus di peringkat sekolah rendah dan 75 peratus di peringkat sekolah menengah.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2009 bertarikh 11 Mac 2009 yang menyatakan bahawa mana-mana kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen boleh mendaftar diri sebagai murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan dua syarat. Pertama, salah seorang ibu bapa kanak-kanak tersebut adalah warganegara dan kedua, pemohonan hendaklah disertakan surat pengesahan atau surat pengakuan daripada ketua kampung. Perkara ini menunjukkan KPM memberi peluang pendidikan formal kepada kanak-

kanak berkenaan sahaja, tidak termasuk kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan pelarian. Maka, dapat disimpulkan bahawa kandungan artikel 28 dan 29 CRC dari segi undang-undang dan pelaksanaannya tidak sepenuhnya sesuai dalam kerangka perundangan Malaysia. Selain itu, menurut Nadzira dan Khalim (2019), pihak KPM dilihat sering kali melakukan perubahan pada dasar dan juga pelan pendidikan negara yang menyebabkan ramai kanak-kanak tanpa warganegara tidak dapat bersekolah di sekolah formal. Malah, kelemahan dalam tadbir urus di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) jelas dilihat apabila proses permohonan kemasukan ke sekolah kerajaan yang dilakukan oleh warga pelarian mengambil masa terlalu lama sehingga menjangkau dua tahun tanpa sebarang jawapan atau maklum balas (Mazura & Nor Hafizah, 2018).

Menyingkap sejarah awal kedatangan pelarian di Sabah, kanak-kanak pelarian Moro dibenarkan bersekolah di sekolah kerajaan di Malaysia. Bagaimanapun pada tahun 1995, akses ini mula dihadkan dengan bayaran yuran RM 120 untuk sekolah rendah dan RM 240 untuk sekolah menengah, manakala masyarakat tempatan diberikan secara percuma. Para pelajar yang tidak mempunyai sijil dokumentasi diri masih dibenarkan mendaftar diri dan bersekolah di sekolah kerajaan namun peluang ini dihentikan pada tahun 2002 (Aizat, 2010; Hidayat & Ibnor, 2017; Badariah, 2018). Mereka tidak mempunyai pilihan lain selain sekolah swasta yang sinonimnya dikenakan yuran perbelanjaan yang mahal. Akibatnya, ramai di antara mereka berhenti sekolah dan ada juga antara mereka tidak dapat meneruskan persekolahan disebabkan ketiadaan dokumentasi diri dan sekiranya ada wang dan dokumen sekalipun tidak menjamin mereka berpeluang menerima pendidikan disebabkan jumlah sekolah yang terhad. Keadaan ini turut berlaku di Semenanjung Malaysia (Aizat, 2010). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan di Malaysia bergantung kepada Akta Pendidikan 1996 yang mana hak pendidikan hanya kepada warganegara Malaysia sahaja, manakala bagi golongan yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tanpa warganegara mereka dikecualikan mendapat hak pendidikan ini (Badariah, 2018).

Kanak-kanak pelarian dan pencari suaka dianggap sebagai “pendatang haram” di bawah Akta Imigresen Malaysia 1959/1963 walaupun mereka dilahirkan di Malaysia dan tidak pernah tinggal di negara asal. Golongan ini mudah terdedah kepada penangkapan, pendakwaan dan penahanan (*Child Rights Coalition Malaysia*, 2012). Secara amnya, isu buruh kanak-kanak di Malaysia masih dalam keadaan terkawal. Namun, Norruzeyati dan Mohammad Rahim (2018) menjelaskan kanak-kanak Rohingya sering dijadikan mangsa pemerdagangan manusia bagi tujuan mendapatkan wang. Mereka dieksplorasi dalam kegiatan mengutip derma, jualan amal dan sumbangan kebajikan yang melibatkan pelbagai institusi yang bergerak atas nama kebajikan, pembangunan sosial dan agama. Kebanyakan pelaku kegiatan ini merupakan ahli keluarga atau individu yang mempunyai hak ke atas kanak-kanak tersebut. Terdapat kajian yang lain menyatakan kegiatan sindiket peminta sedekah semakin berleluasa di Pulau Pinang dan daerah Klang dalam kalangan kanak-kanak Rohingya yang berpunca daripada ketiadaan peluang mengakses pendidikan formal di sekolah dan masa yang terluang tersebut dipenuhi dengan aktiviti tersebut (Noor Farhana, 2020). Kegiatan meminta sedekah ini dominannya berlaku di kawasan tumpuan umum seperti kompleks membeli-belah, stesen minyak, medan selera dan restoran, hentian rehat dan rawat (R&R), terminal bas, bank, dan pasar malam (Norruzeyati & Mohammad Rahim, 2018).

Kajian lain juga membuktikan bahawa tanpa pendidikan, kanak-kanak pelarian mudah terdedah kepada ancaman dieksplorasi untuk bekerja sebagai peminta sedekah, penjual tiket loteri dan pelacur (Hidayat & Ibnor, 2017; Nadzira & Khalim, 2019) serta kegiatan jenayah lain seperti perjudian, menghisap dadah, menghidu gam dan mencuri (Noor Farhana, 2020). Hal ini disebabkan mereka mempunyai banyak masa tanpa melakukan sebarang aktiviti berfaedah selain tidak bersekolah (Nadzira & Khalim, 2019). Walau bagaimanapun, menurut Intan Suria *et al.* (2020), golongan dewasa pelarian Rohingya merupakan penyumbang kepada kenaikan kes jenayah di Malaysia. Kebanyakan kes direkodkan di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Seremban yang melibatkan jenayah harta benda seperti kegiatan mencuri barang, motosikal, motokar dan kenderaan lain, meragut dan pecah rumah. Apabila dikaji, golongan

dewasa ini adalah mereka yang tidak pernah menerima pendidikan sama ada di negara asal sebelum datang ke Malaysia ataupun di Malaysia. Maka dengan adanya pendidikan, ia mampu menangani masalah ekonomi dan sosial yang semakin meruncing. Aspek pendidikan juga perlu diperkuatkan kepada kanak-kanak pelarian ini supaya dapat membentuk akhlak dan keperibadian yang murni dan menjamin kehidupan yang lebih baik dewasa kelak.

### **Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) Kanak-kanak Rohingya di Malaysia**

Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) merupakan salah satu mekanisme yang telah diperkenalkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada tahun 2010 dalam usaha memastikan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di Malaysia menerima pendidikan yang sewajarnya, memandangkan mereka golongan yang tidak layak menerima pendidikan di sekolah kebangsaan atau sekolah kerajaan. Penubuhan ini membuktikan Malaysia menyahut seruan prinsip *Education for All* (EFA) atau ‘Pendidikan Untuk Semua’. Program Pembelajaran Alternatif yang direncanakan ini merangkumi semua program pendidikan bukan pendidikan formal. Pelaksanaan PPA menggunakan kurikulum sekolah rendah seperti pendidikan asas membaca, menulis dan mengira, pendidikan agama dan kemahiran hidup (menjahit) dan diuruskan oleh orang perseorangan dan NGO dengan kerjasama KPM serta UNHCR (Badariah, 2018; Nazri *et al.*, 2018). Pada tahun 2013, jumlah PPA di seluruh Malaysia mencapai sebanyak 177 buah dengan jumlah kanak-kanak seramai 15,039 orang termasuk kanak-kanak Rohingya (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2015). Walau bagaimanapun, masih terdapat sejumlah kanak-kanak tanpa warganegara di Malaysia yang tidak berpeluang menerima pendidikan yang sewajarnya disebabkan jumlah kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen ke Program Pembelajaran Alternatif sangat terhad.

Menurut buku *Dasar Pendidikan Kebangsaan* (edisi keempat) yang diterbitkan pada tahun 2017, nama bagi pusat pembelajaran ini digantikan kepada Pusat Bimbingan Alternatif (PBA) dengan tujuan penubuhannya sama seperti PPA sebelum ini, iaitu untuk memberi pendidikan kepada

kanak-kanak bukan warganegara Malaysia yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan formal di institusi kerajaan atau swasta di Malaysia dengan asas kemahiran membaca, menulis dan mengira serta kemahiran hidup daripada peringkat prasekolah, rendah dan menengah rendah. Peluang pendidikan ini selaras dengan Dasar Pendidikan Alternatif di Malaysia. Beberapa strategi pelaksanaan telah digariskan oleh KPM seperti; (i) memastikan semua Pusat Bimbingan Alternatif berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia, (ii) mendapatkan data pusat, guru dan enrolmen murid secara berkala untuk tujuan rekod dan (iii) memastikan semua Pusat Bimbingan Alternatif sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa melalui pengawalseliaan, pemeriksaan dan penguatkuasaan peraturan secara berkala dari sudut tadbir urus dan kurikulum atau program bagi menjamin perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Punca kuasa pelaksanaan dasar ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 79, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), 26 April 1995: Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 9/1995: Pengurusan Penubuhan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) dan 20 Mac 2015: Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Pusat Bimbingan Alternatif (kelulusan oleh YAB Menteri Pendidikan) (KPM, 2017).

Selain itu, UNHCR Malaysia dilihat memainkan peranan yang signifikan dalam menyediakan peluang pendidikan kepada kanak-kanak Rohingya. Malah, inisiatif ini juga dilaksanakan berikutan tindakan kerajaan yang sering melakukan perubahan dasar di peringkat kementerian. Menurut Azlinariah *et al.* (2018), jaringan kerjasama antara NGO Malaysia dengan UNHCR telah wujud dalam usaha meningkatkan kesejahteraan pendidikan pelarian Rohingya sejak tahun 1998 dan antara NGO yang berperanan adalah Yayasan Salam, Angkatan Belia Muslim Malaysia (ABIM), Yayasan Tzu Chi Malaysia dan Pertubuhan Kebajikan Muslim Malaysia (PERKIM). Di samping itu, terdapat dua jenis pusat pembelajaran yang dapat diakses oleh kanak-kanak Rohingya (Azizah, 2012). Pertama, pusat pendidikan yang dikhaskan untuk Rohingya yang terdiri daripada pendidikan sekular sahaja, pengajian Islam (madrasah) sahaja dan gabungan pengajian agama dan pendidikan sekular. Kedua, pusat pendidikan yang kanak-kanak Rohingya boleh menumpang belajar seperti Harvest Center, St Barnabas Church dan Yayasan Chow Kit. Menurut Andika (2017), kanak-kanak pelarian Rohingya juga berpeluang

mendapatkan pendidikan menerusi pusat-pusat pembelajaran di bawah kendalian Organisasi Berdasarkan Komuniti atau dikenali sebagai OBK Rohingya di Malaysia. Terdapat dua jenis pusat pembelajaran yang dibangunkan dan dikendalikan sendiri oleh komuniti Rohingya iaitu jenis konvensional (biasa) dan pondok (madrasah).

Pada tahun 2020, terdapat lebih daripada 148 buah pusat pembelajaran dan kebanyakannya dikhaskan untuk kanak-kanak Rohingya. Hanya 30 peratus kanak-kanak Rohingya yang mendaftar di pusat pembelajaran (*learning center*) yang dibiayai oleh UNHCR dan selebihnya 70 peratus mengikuti program pendidikan yang disediakan oleh OBK mereka sendiri. Pusat ini beroperasi dalam keadaan kekangan sumber, iaitu kekurangan tenaga guru yang berkelayakan, bahan pengajaran yang tidak mencukupi dan kemudahan bilik darjah yang tidak kondusif. Untuk menubuhkan institusi pendidikan di bawah seliaan OBK di Malaysia, UNHCR perlu melakukan lawatan ke lokasi untuk memutuskan sama ada sekolah tersebut memenuhi syarat dalam aspek prasarana, kelayakan guru dan lain-lain (Palik, 2020).

Ciri utama pusat pembelajaran kanak-kanak pelarian Rohingya di Malaysia telah disentuh dalam kajian Azizah (2012). Pertama, lokasi pusat pembelajaran ini mengikut kawasan sekiranya di bandar, sekolah akan didirikan di rumah kedai atau rumah teres, manakala di kawasan luar bandar akan didirikan di surau atau di rumah yang diubah suai menjadi pusat mengajar atau madrasah. Kedua, pusat pembelajaran tidak didaftar dengan pihak berkuasa tempatan dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ketiga, persekitaran sekolah berbeza-beza mengikut organisasi yang menguruskannya di mana kemudahan yang disediakan sangat terhad seperti tidak semua sekolah menyediakan kerusi dan meja. Keempat, aspek kurikulum di pusat pembelajaran di bawah kendalian UNHCR akan diajar empat mata pelajaran asas seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains serta dua mata pelajaran tambahan seperti kelas komputer dan pendidikan jasmani, itupun sekiranya terdapat padang di sekitar kawasan sekolah. Pusat pembelajaran ini menyediakan pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja secara percuma dan sekiranya dikenakan yuran, ia merupakan *commitment fee* semata-mata. Kelima, suasana dalam kelas di mana para pelajar dicampur dari usia enam tahun

hingga 12 tahun dalam satu kelas yang sama tidak seperti di sekolah kerajaan. Jumlah pelajar dalam satu kelas sekitar 15 hingga 30 orang dan kebiasaannya sempit dan sesak. Selain itu, bahan pembelajaran yang tidak mencukupi dan biasanya menggunakan bahan fotokopi. Tidak semua pusat pembelajaran menyediakan makanan untuk pelajar dan hanya sebahagian sahaja yang menyediakannya berdasarkan kepada dana kewangan. Kajian Aida Zahirah dan Napisah Karimah (2021) mendapati terdapat sebuah sekolah pelarian Rohingya di Kajang, Selangor menyediakan makanan dan minuman pada waktu rehat tengah hari kepada para pelajar mereka.

### **Peranan NGO dalam Aspek Pendidikan**

Menurut Aizat (2019), salah sebuah pusat pembelajaran Rohingya di Pulau Pinang iaitu *Rohingya Learning Center* (RLC) ditubuhkan oleh *Research and Education for Peace*, Universiti Sains Malaysia (REPUSM) dengan kerjasama *Rohingya Society Malaysia* (RSM) bukan sahaja berperanan menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak pelarian malah turut menjadi pusat untuk aktiviti kebajikan dan bantuan kemanusiaan. Contohnya, sekolah ini menjadi tempat pemeriksaan dan rawatan kesihatan, sumbangan dana dan barang keperluan, kegiatan sukarelawan NGO dan penduduk setempat. Selain itu, Aida Zahirah dan Napisah Karimah (2021) turut menjalankan kajian berkaitan peranan *Rohingya Intellectual Skills and Excellence* (RISE), Kajang, Selangor yang ditubuhkan oleh *Islamic Relief Malaysia* (IRM) dalam memberi pendidikan yang sewajarnya kepada kanak-kanak Rohingya. Antara peranan RISE adalah memberi perlindungan sementara melalui surat perlindungan (*protection letter*) kepada para pelajar yang mengikuti pembelajaran di sekolah ini dan menyediakan bantuan kelengkapan persekolahan bagi meringankan bebanan ibu bapa pelajar yang kebanyakannya daripada keluarga yang tidak berkemampuan. RISE turut memainkan peranan penting dalam mewujudkan silibus pembelajaran yang sesuai kepada kanak-kanak Rohingya yang seimbang dari segi pendidikan akademik dan juga pendidikan keagamaan, di samping asas kemahiran hidup seperti menjahit supaya pelajar dapat menjana pendapatan sendiri selepas tamat persekolahan kelak serta dapat membantu keluarga dan komuniti mereka semula.

Berdasarkan kajian lain, terdapat sebuah pusat pembelajaran pelarian Rohingya yang menyediakan asrama kepada pelajar iaitu Tahfiz Rohingya di Seri Kembangan, Selangor. Tujuannya adalah untuk memastikan kehidupan yang lebih baik dari segi kecemerlangan pelajar, penginapan dan sumber makanan yang sempurna. MyCARE sebagai sebuah NGO yang berperanan penting terhadap sekolah ini turut mengambil inisiatif mewujudkan kelas tuisyen secara percuma kepada kanak-kanak yang berada di kawasan pedalaman yang menghadapi kesukaran ke sekolah seperti di Sungai Tekali, Selangor di samping melancarkan projek *back to school* dengan menyediakan bantuan kelengkapan persekolahan kepada para pelajar pelarian (Atika Shafinaz & Nidzam, 2020). Beliau juga berpendapat kajian berkaitan peranan NGO dalam membantu masyarakat pelarian di Malaysia masih belum mencapai tahap komprehensif berbanding kajian berkaitan penindasan dan penderitaan yang dialami oleh pelarian di Malaysia.

### **Cabaran Pusat Pembelajaran dan NGO Terlibat**

Antara cabaran yang dihadapi oleh organisasi yang menguruskan pendidikan pelarian Rohingya di Malaysia adalah peruntukan dana pengoperasian, pengekalan dan kualiti kakitangan, masalah komunikasi dalam kalangan kanak-kanak Rohingya dan masalah dalaman dan budaya masyarakat Rohingya.

#### ***Peruntukan Dana Pengoperasian***

Bagi NGO, OBK Rohingya dan pihak berkepentingan yang lain, peruntukan dana untuk tujuan pengoperasian merupakan cabaran dalam memastikan kelangsungan sekolah. Setiap pusat pembelajaran ini perlu menampung perbelanjaan bulanan yang merangkumi bil air, bil elektrik, sewa permis, gaji guru, bil pengurusan dan sebagainya, malah setiap kanak-kanak yang mengikuti pembelajaran di pusat ini tidak dikenakan sebarang bayaran yuran dan jika dikenakan yuran sekalipun ia hanya berbentuk yuran komitmen sahaja. Tan Pok Suan (2006) mendedahkan bahawa terdapat sebuah sekolah tidak formal di Cheras di bawah tajaan UNHCR dengan kerjasama Yayasan Salam Selangor, terpaksa dihentikan

operasinya selama dua tahun dari tahun 2002 hingga 2004 disebabkan kekurangan kewangan daripada pihak penaja. Kajian ini turut menyatakan sekolah yang juga dikenali sebagai madrasah itu merupakan satu-satunya peluang pendidikan yang dikhaskan untuk kanak-kanak Rohingya di sekitar kawasan itu. Walau bagaimanapun pada tahun 2005, madrasah tersebut dilaporkan telah memulakan operasinya semula setelah mendapat penaja baharu (Tan Pok Suan, 2006; Azharudin & Azlinariah, 2012).

### ***Pengekalan dan Kualiti Kakitangan***

Cabarannya yang dihadapi oleh pihak NGO, OBK Rohingya dan pusat pembelajaran dalam menyediakan pendidikan tidak formal yang berkualiti adalah masalah kekurangan sumber dan guru yang bertauliah (Noor Farhana, 2020). Hal ini disebabkan majoriti guru yang berkhidmat di pusat ini terdiri daripada komuniti pelarian Rohingya sendiri dan sukarelawan Malaysia (Atika Shafinaz & Nidzam, 2020; Letchamanan, 2013; Palik, 2020). Menurut Palik (2020) lagi, kekurangan latihan atau motivasi dalam kalangan tenaga guru akan memberi kesan kesan kepada kualiti pendidikan. Beliau juga menyatakan kesukaran mengekalkan kakitangan guru disebabkan para pelajar pelarian sukar untuk diajar dan tingkah laku yang kurang menyenangkan akibat daripada ganguan tekanan pasca trauma yang dialami mereka. Akibat daripada itu, kebanyakan guru bertindak berhenti kerja.

Selain itu, jika diperhatikan pendidikan di pusat pembelajaran ini sangat jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sistem pendidikan sekolah kebangsaan dari aspek kurikulum, kemudahan prasarana dan latihan guru. Hal ini disokong oleh Andika (2017) yang membuktikan bahawa pihak OBK Rohingya yang bertanggungjawab mengendali pusat pembelajaran perlu menambah baik kualiti pengajaran bagi memastikan kanak-kanak Rohingya mendapat pendidikan yang mampu mengubah nasib mereka pada masa hadapan. Namun demikian, kerajaan tidak mengiktiraf pendidikan tidak formal yang diterima golongan pelarian di Malaysia dan hal ini telah menjelaskan prospek masa depan kanak-kanak disebabkan masa depan kanak-kanak ini ditentukan oleh pendidikan yang berkualiti (Palik, 2020). Ketiadaan pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia

juga memberi kesan kepada kanak-kanak pelarian untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Mazura & Hafizah, 2018).

### ***Masalah Komunikasi dalam Kalangan Kanak-kanak Rohingya***

Para guru di pusat pembelajaran perlu berhadapan dengan kanak-kanak Rohingya yang mempunyai masalah komunikasi dan menyebabkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar di dalam bilik darjah tidak berlaku secara berkesan. Proses interaksi di dalam bilik darjah sangat penting supaya segala pertukaran maklumat akan berlaku dan penyampaian terhadap perkara yang dibincangkan akan sampai kepada pelajar. Hal ini akan mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Kepentingan komunikasi juga membolehkan guru-guru memotivasi murid-muridnya supaya menimbulkan minat dan perhatian terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran lantas akhirnya menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

Walau bagaimanapun, perbezaan bahasa menjadikan cabaran bagi guru-guru untuk berhadapan dengan golongan ini kerana bahasa yang digunakan oleh guru di dalam kelas berbeza dengan bahasa utama murid-murid (Nadzira & Khalim, 2019). Hal ini disokong oleh kajian Aida Zahirah dan Napisah Karimah (2021) menyatakan guru mengambil langkah menerangkan kepada pelajar yang menguasai Bahasa Melayu dan kemudiannya rakan tersebut menerangkan semula kepada pelajar yang mempunyai masalah komunikasi dengan bahasa yang difahami mereka. Selain itu, cara seseorang pelajar boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu berlainan dan hal ini berkait dengan latar belakang kehidupan, sama ada secara pergaulan dengan kawan-kawan di sekitar rumah ataupun setelah belajar di sekolah bersama guru dan rakan-rakan yang lain. Maka, penyediaan perkhidmatan terjemahan sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka (Divaghar & Khadijah, 2019). Selain tidak boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu, kanak-kanak Rohingya juga tidak tahu bergaul dengan orang lain dan hal ini telah merumitkan lagi keadaan. Di samping itu, walaupun kanak-kanak Rohingya fasih berbahasa Melayu, mereka tetap menghadapi masalah buta huruf (Tan Pok Suan, 2006).

### ***Masalah Dalaman dan Budaya Masyarakat Rohingya***

Palik (2020) mendapati pendidikan kanak-kanak perempuan Rohingya dibatasi oleh budaya. Hal ini dibuktikan apabila ibu bapa mereka dilihat enggan menghantar anak-anak perempuan ke sekolah kerana mereka menganggap tidak wajar kanak-kanak perempuan bercampur dengan kanak-kanak lelaki dalam satu kelas yang sama dan mereka memerlukan ruang kelas yang dikhurasukan kepada pelajar perempuan sahaja atas faktor keselamatan sosial. Selain itu, ibu bapa turut mengharapkan anak-anak perempuan mengambil alih tugas di rumah dan mereka lebih cenderung mengizinkan perkahwinan pada usia muda bagi anak-anak perempuan. Ibu bapa Rohingya bertindak menikahkan anak gadis mereka di usia muda disebabkan perasaan takut yang melampau sekiranya terlibat dalam hubungan luar nikah (Azizah, 2015). Maka, menjadi kebiasaan bagi kanak-kanak perempuan Rohingya kehilangan pendidikan dan berhenti sekolah. Bagi golongan lelaki pula antara sebab mereka berhenti sekolah adalah faktor umur yang dikira sudah sesuai untuk bekerja dan menyara ahli keluarga yang lain (Aizat, 2010). Namun begitu, tindakan kanak-kanak Rohingya berhenti sekolah bukan disebabkan masalah kewangan atau tidak mampu membayar yuran persekolahan, sebaliknya antara mereka tiada pilihan lain kerana keperluan menjaga ahli keluarga yang sakit atau adik-beradik lain di rumah semasa ibu bapa mereka keluar mencari rezeki (Aida Zahirah & Napisah Karimah, 2021).

### **KESIMPULAN**

Kertas kerja ini berjaya membincangkan kesemua objektif iaitu situasi kehidupan pelarian Rohingya di Malaysia khususnya berhubung isu-isu pendidikan mereka. Penulisan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, konsep keselamatan insan dalam konteks pelarian Rohingya. Kedua, kedatangan pelarian Rohingya ke Malaysia yang merangkumi sebagai Malaysia destinasi tumpuan pelarian, cara memasuki Malaysia, survival kehidupan masyarakat Rohingya di Malaysia, cabaran yang dihadapi, jaringan sosial antara masyarakat Rohingya serta respons Kerajaan Malaysia. Bahagian ketiga membincangkan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia yang merangkumi hak pendidikan kanak-

kanak dan implikasinya, pusat pembelajaran kanak-kanak Rohingya di Malaysia serta peranan dan cabaran yang dihadapi oleh pusat pembelajaran dan NGO dalam menguruskan pendidikan. Akhir sekali, kajian yang dijalankan ini sedikit sebanyak mampu memberi input kepada pelbagai pihak yang terlibat dalam melaksanakan kajian yang lebih komprehensif bagi memastikan pendidikan kanak-kanak Rohingya di Malaysia dapat diperkasakan dan mendatangkan impak yang lebih signifikan dalam memastikan kesejahteraan negara secara sejagat.

## PENGHARGAAN

Kajian ini ditaja oleh geran Model Penyelidikan Kanak-kanak dan Remaja Golongan Pelarian Rohingya di Malaysia (FRGS/1/2021/SS0/UKM/03/1) di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Aida Zahrah Samsudin & Napisah Karimah Ismail. (2021). Pendidikan Kanak-Kanak Muslim Rohingya: Kajian kes di Rohingya Intellectual Skills and Excellence (RISE), Kajang, Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 6(3), 67-76.
- Aizat Khairi. (2012). Managing the challenges of refugees and their rights in Malaysia. *Jurnal Studi Hubungan Internasional*, 2(1), 132161.
- Aizat Khairi. (2019). From Academia to NGO: The role of repusm in providing alternative education for Rohingya refugees' children in Penang Island. *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 8(12), 5596-5599.
- Andika Abd. Wahab. (2017). *Penyeludupan migran dan keselamatan insan: Kajian kes orang pelarian Rohingya di Lembah Klang, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Andika Abd. Wahab. (2019). *Dalal dan penyeludupan Rohingya ke Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Othman. (2017). Pengaruh Mahathirisme di zaman pemerintahan Najib Razak: Suatu analisis. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(2), 318-337.
- Atika Shafinaz Nazri & Nidzam Sulaiman. (2020). Partisipasi NGO dalam bantuan kemanusiaan terhadap pelarian di Malaysia dan sumbangannya ke arah penyatupaduan masyarakat. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3), 214-245.

- Azharudin Mohamed Dali & Azlinariah Abdullah. (2012). *Air mata kesengsaraan Rohingya: Identiti, penindasan dan pelarian*. Inteam Publishing.
- Azizah Kassim. (18 Disember 2012). Dialog dan Meja Bulat Hala Tuju Pendidikan Alternatif di Malaysia [PowerPoint slides].
- Azizah Kassim. (2015). Transnational marriages among Muslim refugees and their implications on their status and identity—the case of the Rohingyas in Malaysia. *Islam and Cultural Diversity in Southeast Asia*, 175-202.
- Azlinariah Abdullah, Azharudin Mohamed Dali & Mohamad Rodzi Abd Razak. (2018). Surviving stateless refugees: The uncertain future of Rohingya's children in Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(1), 177-195.
- Azlinariah Abdullah. (2014). Diaspora Rohingya di Malaysia: Pengekalan identiti dan survival masyarakat minoriti. *Sarjana*, 29(1), 107-122.
- Badariah Saibeh. (2018). Pendidikan alternatif sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, Disember, 177-206.
- Bakri Mat, Zarina Othman & Mohd Kamal Omar. (2018). anjakan paradigma dalam kajian keselamatan insan di Asia Tenggara. *Akademika*, 88(1), 193-207.
- Child Rights Coalition Malaysia. (2012). *Status Report on Children's Rights in Malaysia*. Child Rights Coalition Malaysia.
- Divaghar Voothayakumar & Khadijah Alavi. (2020). Meneroka kesejahteraan sosial karen dan Rohingya di sekolah pelarian Myanmar di Chow Kit. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1-11.
- Dupuy, K. & Østby, G. (2019). No right to read: Regulatory restrictions on refugee rights to formal education. *PRIO Policy Brief*, 10. Oslo: PRIO.
- Equal Rights Trust. (2014). *Equal only in name: The human rights of stateless Rohingya in Malaysia*. Equal Rights Trust.
- Institute for Economics & Peace. (2021). Global Peace Index 2021: Measuring Peace in a Complex World, Sydney: Institute for Economics & Peace, <http://visionofhumanity.org/reports>.
- Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A. Shukor, Hasnizam Hashim & Nabilah Yusof. (2019). Isu perundangan berkaitan perkahwinan etnik Rohingya beragama Islam di Malaysia. *5<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, Malaysia*, 66-75. [http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/E-Proceeding-2019/06-Isu\\_perundangan-\\_Intan\\_Nadia\\_Ghulam\\_Khan.pdf](http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/E-Proceeding-2019/06-Isu_perundangan-_Intan_Nadia_Ghulam_Khan.pdf)
- Intan Suria Hamzah, Muhammad Shamshinor Abdul Azzis, Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar & Sity Daud. (2016). Migrasi dan ancaman keselamatan Malaysia: Analisa terhadap etnik Rohingya. *Prosiding Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan 4 (COSNA 4)*, Malaysia, 365-379. [https://www.researchgate.net/publication/299509542\\_Migrasi\\_Dan\\_Ancaman\\_Keselamatan\\_Malaysia\\_Analisa\\_Terhadap\\_Etnik\\_Rohingya](https://www.researchgate.net/publication/299509542_Migrasi_Dan_Ancaman_Keselamatan_Malaysia_Analisa_Terhadap_Etnik_Rohingya)

- Intan Suria Hamzah, Sity Daud & Nor Azizan Idris. (2016). Pelarian Rohingya dan isu-isu kontemporari di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 11-23.
- Intan Suria Hamzah, Sity Daud & Nor Azizan Idris. (2020). *Pendatang asing Myanmar dan keselamatan insan di Malaysia*. Penerbit UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Letchamanan, H. (2013). Myanmar's Rohingya refugees in Malaysia: Education and the way forward. *Journal of International and Comparative Education (JICE)*, 86-97.
- Mazura Md Saman & Nor Hafizah Mohd Badrol Affandi. (2018). Honouring primary education for stateless children: Analysis of Malaysian legal perspective and current practice. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disable*. 3(Januari), 33-38.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Saedah Siraj, Nor Fariza Mohd Idris, Muhamad Asyraf Mansor & Nor Asiah Muhamad. (2018). Potensi pembangunan Modul Kurikulum Berasaskan Kemahiran Komuniti Setempat bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia tanpa dokumen pengenalan diri: Tinjauan awal. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 15-21.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Ibnor Azli Ibrahim. (2017). Hak dan perlindungan Pelarian Muslim Filipina menurut syariah dan undang-undang Malaysia: Kajian di negeri Sabah. *Jurnal Hadhari*, 9(2), 193–206.
- Nadzira Miskiman & Khalim Zainal. (2019). Cabaran dan limitasi pendidikan untuk kanak-kanak tanpa warganegara di Pulau Mabul, Semporna, Sabah. *Proceeding International Conference on Business, Education, Innovation & Social Science (ICBEISS 2019), Malaysia*, 382-290. [https://www.academia.edu/39931538/cabaran\\_dan\\_limitasi\\_pendidikan\\_untuk\\_kanak\\_kanak\\_tanpa\\_warganegara\\_di\\_pulau\\_mabul\\_semporna\\_sabah](https://www.academia.edu/39931538/cabaran_dan_limitasi_pendidikan_untuk_kanak_kanak_tanpa_warganegara_di_pulau_mabul_semporna_sabah)
- Noor Farhana Ahmad Pazil. (2020). Aplikasi enam dimensi kelompok minoriti berdasarkan pendekatan Kinloch: Perubahan sosio-politik minoriti Rohingya. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(4), 311-325.
- Norazira Ali. (2014). Cabaran-cabaran pelarian Rohingya Muslim: Kajian kes di Pulau Pinang. *Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, 265-74.
- Norruezeyati Che Mohd Nasir & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2018). Tinjauan literatur pemerdagangan dan eksplorasi kanak-kanak di Asia Tenggara. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 21, 135-154.
- Palik, J. (2020). Education for Rohingya refugee children in Malaysia. *PRIO Policy Brief*, 2. Oslo: PRIO.
- Pathmanathan R. Nalasamy, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abd. Hadi Zakaria. (2011). Pandangan klien perkhidmatan mengenai implementasi hak kanak-kanak di dalam institusi pemeliharaan dan perlindungan awam. *Sarjana*, 26(2), 51-72.

- Rashila Ramli, Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Sity Daud. (2012). Towards a modified approach to human security in Southeast Asia - A perspective from Bangi. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 577-588.
- Suruhanjaya Keselamatan Insan. (2003). *Human security now*. Suruhanjaya Keselamatan Insan.
- Tan Pok Suan. (2006). Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam ketidakpastian hidup. *Akademika*, 68(1), 111-122.
- UNHCR Malaysia. (n.d.). Figures at a Glance in Malaysia. <https://www.unhcr.org/en-my/figures-at-a-glance-in-malaysia.html>

**AIDA ZAHIRAH SAMSUDIN** ialah pelajar sarjana dalam bidang Sejarah dan Tamadun Islam di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

**NAPISAH KARIMAH ISMAIL** (Ph.D) ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah dan Tamadun Islam.

MANU  
Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa  
(*Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning*)

